

Warisan: Jernal Persatuan Sejarah Malaysia:
Cawangan Negeri Sembilan 18 (1994)

AL-SHEIKH HAJI AHMAD BIN MOHAMMAD SAID
ULAMAK MALAYSIA
LUAR BIASA KETOKOHAANNYA
(Ruangan Lorekan Remaja)

Oleh

AZILAH MOHD. YAZID
Sek. Men. King George V, Seremban.

Sahibu as-Samahah Tuan Mufti As-Sheikh Al-Haji Ahmad bin Al-Sheikh Muhammad Said Al-Dandarawi adalah di antara alim ulama Malaysia yang luar biasa ketokohnya. Beliau seorang alim yang berwibawa, terkenal pula sebagai penganjur Tariqat Ahmadyyah yang berpengaruh, pengasas Institusi Pendidikan Islam, pengarah yang tajam penariya, dan ketua keluarga yang berjaya.

Dilahirkan di kampung Ampangan, Seremban, pada hari Rabu, jam 11.00 malam, pada 25 Rabiul Awal, tahun 1328H, bersamaan dengan 1910. Tuan Mufti Al-Sheikh Ahmad dibesar dalam satu keluarga yang mulia keturunannya. Menurut saudaranya Tuan Haji Mansur bin Al-Sheikh Muhammad Said, Allahyarham berketurunan di sebelah bapanya dengan Abdullah Ibn. Abbas dan disebelah ibunya, di mana ibubapanya berasal dari keturunan Sayyidina Uthman Ibn Affan r.a.

Ketokohan Tuan Mufti Al-Sheikh Ahmad banyak dipengaruhi oleh berbagai faktor. Ayahnya Al-Sheikh Muhammad Said bin Jamaluddin, merupakan seorang ulamak terkenal di Malaysia, dan beliau banyak mewarisi sifat kealiman bapanya.

Pembentukan peribadi Tuan Mufti bermula dengan pengajian Al-Quran Al-Karim iaitu ketika beumur 6 tahun lagi di mana nenek Allahyarham - Hajjah Sofiyyah binti Haji Salleh (berasal dari Kampuchea) mengajar beliau membaca Al-Quran. Beliau boleh membaca Al-Quran dengan lancar, fasih, bahkan sudah mulai memahami makna-makna ayat dan tafsirannya.

Selepas menerima pendidikan pengajian Al-Quran dari neneknya, beliau mendapat didikan dari ayahnya. Pada ketika itu banyak menghafal ayat-ayat Al-Quran. Kemudian ayahnya meminta beliau membantunya mengajar mata pelajaran bahasa Arab di Sekolah Ugama ayahandaya setiap hari selepas waktu Asar. Allahyarham bukan sahaja boleh menguasai dalam bidang ilmu-ilmu Islam,

malah beliau boleh menguasai dengan baik ilmu-ilmu lain seperti ilmu Hisab. Dalam satu ujian khas untuk guru-guru lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), Tanjong Malim, Allahyarham merupakan satu-satunya pelajar yang telah berjaya dengan cemerlang bersama tiga guru lain, sedangkan pada ketika itu beliau hanya berada dalam darjah tiga.

Pada tahun 1926, beliau dihantar oleh ayahnya belajar di Makkatul-Mukarramah. Di sinilah Tuan Mufti Al-Sheikh Ahmad mempelajari banyak ilmu pengetahuan aqidah, syariah dan bahasa Arab secara formal dan informal dari alim ulama termasyhur di Makkah, Saudi Arabia. Di Makkah, Tuan Mufti mulanya memasuki Madrasah As-Salatiyyah - salah sebuah sekolah agama yang termasyhur. Setelah ditemuduga oleh pihak berkuasa sekolah, beliau dinaikkan terus ke darjah enam. Di sini Allahyarham belajar lima hari sahaja kerana beliau, bidang ilmu-ilmu yang diajar disini rendah.

Proses pengajian dan pembelajaran Tuan Mufti kemudian berpindah ke Masjidil Haram, Makkatul Mukarramah. Di sini Pengajian tradisional amat bererti bagi dirinya. Beliau mempelajari ilmu hadith dari Al-Shaikh Al-Muhadith Abdul Sattar Al-Qutubi Al-Hindi. Ilmu Fiqh pula ditimbanya dari Al-Sheikh Umar Bajunid. Ilmu Aqidah (al-Tauhid), dipelajarinya dari As-Shaikh Abdul Kadir al-Qutubi.

Tuan Mufti disamping fasih berbahasa Arab, boleh menjawab persoalan-persoalan Aqidah yang dikemukakan oleh gurunya. Beliau mendapat pangkat cemerlang dalam ujian-ujian yang diadakan. Allahyarham mempunyai kelebihan memahami ilmu-ilmu yang dipelajari dan sering menjadi tumpuan rakan-rakannya di dalam menyelesaikan masalah. Itulah sebabnya semasa berada di Makkah lagi beliau digelar 'Al-Murshid' (orang yang mampu memberi pendidikan ruhaniyyah kepada orang lain selain dirinya). Dengan kebolehan ini Allahyarham telah diamanahkan oleh guru-gurunya mengajar pelajar-pelajar Muslim di Makkah pada waktu-waktu tertentu.

Pada tahun 1934M, Tuan Mufti kembali ke tanah air dan mengasaskan sebuah institusi Pendidikan Islam pertama di Negeri Sembilan, dengan nama "Madrasah As-Saidiyyah". Sekolah ini terletak di Kampung Pondok Rasah, Seremban, Negeri Sembilan, pada pertengahan bulan Rejab, tahun 1355 H, bersamaan dengan 1935M. Tujuan Madrasah As-Saidiyyah ini dibina ialah :

"Semata-mata bagi membemburkan setengah daripada pengetahuan yang bergantung dengan agama oleh mereka-mereka yang mengejar padanya, dan menunjuk akan manusia pada jalan Allah Ta'ala setengah daripada barang yang mengandungi ia akan makna menyuruh akan mereka itu daripada mengerjakan yang mungkar....."

Jika diteliti syarat-syarat belajar di madrasah ini, dasar-dasar akhlak amat dipentingkan. Misalnya, seorang pelajar tidak dibenarkan belajar di sekolah ini jika tidak belajar dengan bersungguh-sungguh. Pelajar-pelajar tidak dibenarkan pulang ke kampung kecuali kerana keuzuran. Tuan Mufti Sheikh Ahmad amat marah sekiranya ada di kalangan pelajar-pelajar yang menghisap rokok, berseluar pendek, dan tidak bersongkok, keluar ke bandar Seremban tanpa apa-apa tujuan, serta makan dan minum di kedai-kedai bukan Islam. Mengikut keterangan Tuan Haji Abdul Ghani Uthman, terdapat beberapa orang anak muridnya yang membantah larangannya. Ada beberapa cerita ganjil tetapi benar telah berlaku. Beberapa orang pelajar telah bersiar-siar di bandar Seremban, ketika hendak pulang ke madrasah mereka, tiba-tiba sahaja ternampak wajah akan diri Tuan Mufti di mana-mana sahaja, sehingga mereka terpaksa berterus-terang di hadapan guru mereka, kemudian menghulurkan tanda kemaafan, dan mengaku tidak akan melanggar arahan Tuan Guru mereka lagi.

Pendidikan Ruhaniyyah Allahyarham dapat dilihat apabila kita meneliti cara didikannya di bulan Ramadhan al-Mubarak. Tuan Mufti Sheikh Ahmad meminta pelajar-pelajarnya tidur lebih awal dan kira-kira jam 1.30 pagi, mereka digerakkan dari tidur. Pelajar-pelajar diminta bersolat terawih, tahajjud, serta membaca al-Quran, sampailah waktu fajar datang menyinsing. Tradisi ini berjalan selama sebulan genap. Di Madrasah As-Saidiyyah juga, pelajar-pelajar dikenakan 'tasmī' - di mana seorang pelajar diminta mengulangi apa yang telah diajar oleh guru-guru mereka dengan betul.

Madrasah As-Saidiyyah tidaklah semahsyur institusi-institusi pendidikan Islam di-Pantai Timur atau di utara Malaysia, namun demikian, dengan pimpinan Allahyarham, Madrasah As-Saidiyyah mengeluarkan ratusan cendekiawan Muslim tempatan. Ada di- antara mereka di hari ini bertugas sebagai khadī, naib khadī, imam dan guru.

Pengalamannya yang luas itu diperlukan pula oleh masyarakat di bidang pentadbiran Islam. Tuan Mufti Sheikh Ahmad adalah alim pertama menjadi Mufti di Negeri Sembilan, dan sekaligus terpilih menjadi Yang DiPertua Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam yang pertama. Jawatan yang disandangnya di sekitar tahun 1956 - 1964, membuktikan kaliber statusnya sebagai seorang alim yang berupaya menghadapi tentangan zaman.

Di antara beberapa keistimewaan Tuan Mufti Sheikh Ahmad semasa menjadi Mufti Negeri Sembilan, beliau dikenali umum sebagai seorang alim yang cekap bekerja. Beliau amat gemar menjawab surat-surat yang dihantar kepadanya tanpa tangguh-tangguh. Surat-surat alim ulamat tempatan, pemerintah serta orang ramai, kebiasaannya mengandungi pertanyaan-pertanyaan hukum syara', dasar-

dasar aqidah, dan lain-lain, Allahyarham dapat menjawabnya dengan amat memuaskan.

Ketokohan Allahyarham menyebabkan beliau mendapat tawaran menjawat jawatan Mufti Besar Malaysia yang belum pernah wujud sebelum ini. Beliau menolak jawatan tersebut lantaran permintaan Allahyarham supaya 'kebebasan' diberi kepadanya semasa menjawat jawatan ini, tiada dapat dipersetujui oleh Kerajaan Pusat. Sebenarnya beliau tidaklah gembira ketika bertugas sebagai Mufti Besar Negeri Sembilan. Allahyarham selalu mengingatkan jawatan Mufti bukan suatu yang 'prestigious', tetapi suatu amanah yang berat, dan terpaksa bertanggungjawab di hadapan Allah s.w.t. nanti. Sikap tegas beliau ini berterusan sehinggalah persariannya dari menjadi Mufti.

Di dalam memenuhi cita-cita ruhaniyyahnya Allahyarham menghabiskan malam dengan beribadah kepada Allah s.w.t. Lidahnya senantiasa basah dengan tasbeeh, tahlid, dibaluti pula dengan sembahyang tahajjud (sembahyang tengah malam), dan diakhiri dengan bacaan Al-Quran, sehinggalah terbit matahari di waktu pagi. Allahyarham juga kuat menunaikan puasa sunat di waktu siangnya, sehingga tidak beliau sedar bila Ramadhan datang dan berlalu. Natjah dari keihlasan ibadatnya, Allah s.w.t. mengurniakan ilmu "al-kashf" kepada dirinya.

Pengalaman ruhaniyyah semakin bertambah kuat apabila beliau menganjur tarikat Ahmadiyyah. Beliau amat yakin dengan tradisi tasawwuf. Ribuan muslimin di Negeri Sembilan memasuki tarikat Ahmadiyyah. Mereka berzikir panjang pada setiap malam Jumaat bersamanya. Pengukit-pengikut tarikat ini mendapat gelaran "Al-Ikhwan". Amalan zikir ini berkekalan hinggalah ke hari ini walaupun beliau telah meninggalkan alam yang fana. Kesan positif dari amalan tarikat ini, tiadalah kutukan dari Allah s.w.t. justeru kerana riak, ujib, atau lain-lain sifat yang keji (mazmumah).

Natjah dari amalan ruhaniyyah Tuan Mufti yang kini telah bertarikat itu ilmu al-kashf anugerah Allah, s.w.t., ke atas diri beliau, telah ditunjukkan dalam banyak peristiwa. Di antara banyak peristiwa ganjil, salah seorang muridnya yang telah dewasa, keluar dari rumahnya tanpa sembahyang maghrib, tiba-tiba kereta murid itu rosak di tengah jalan. Maka tergendalalah kerja-kerja muridnya pada malam itu. Akhirnya, murid beliau tadi terpaksa bergegas menjumpai Tuan Mufti di rumah beliau, serta mengaku tidak ber-sem-bahyang maghrib. Beliau lalu meminta supaya jangan diulangi lagi perbuatan buruk itu.

Di antara sifat-sifat peribadi Allahyarham yang boleh dipelajari serta ditauladani ialah sikapnya yang berterus-terang menegur sahabat-sahabatnya yang melanggar suruhan Allah, s.w.t. secara sengaja ataupun tidak. Allahyarham

meminta mereka supaya segera bertaubat kepada Allah, s.w.t.

Hal ini bertambah penting apabila Tuan Mufti mengingatkan kepada sahabat-sahabat memperjuangkan Islam dalam satu gerakan, mereka wajib mempunyai sifat-sifat yang bersih dan beristiqamah. Dengan ini perjuangan untuk menegakkan Islam akan lebih mudah mencapai kemenangan.

Allahyarham Mufti Sheikh Ahmad tegas pendiriannya dalam hukum syara', serta juga aqidah. Satu dari contoh-contoh terbaik ialah keengganan beliau bertolak ansur dengan adat istiadat Melayu seumpama Adat Perpatih yang luas terpakai di Negeri Sembilan. Tuan Mufti tidak mahu menerima prinsip-prinsip warisan pesaka mengikut adat istiadat kerana ia adalah perbuatan manusia, bukan dari Allah, s.w.t.

Dalam tahun 1960, penduduk-penduduk Tanjong Beringin Sri Menanti, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, berselisih faham mengenai mengubah qiblat di masjid kampung tersebut. Seorang guru agama muda, membuat ijtihad menghebahkan kepada penduduk-penduduk di situ, bahawa mereka sekarang sedang berqiblat ke arah Congo, Afrika, bukannya menghadap Ka'bah di Makkah. Ini ialah kerana qiblat yang terpakai selama ini mengalami kegelencungan 20 darjah. Ijtihad guru muda ini mendapat tentangan dari seorang guru agama Yang Di Pertuan Besar, Negeri Negeri Sembilan. Guru agama tersebut memberitahu kepada Yang Di Pertuan Besar akan perkara tersebut. Atas titah perintah Yang Di Pertuan Besar, Tuan Mufti Sheikh Ahmad diminta datang khusus ke masjid Tanjong Beringin, dan menggesa semua penduduk di situ supaya teruskan sahaja menghadap qiblat yang lama. Ini bererti ijtihad ustaz muda itu tidak diperkenankan oleh Yang Di pertuan Besar.

Setelah berjihad, Tuan Mufti Sheikh Ahmad bersetuju dengan ijtihad ustaz muda. Memanglah benar bahawa penduduk-penduduk di situ menghadap qiblat yang gelencong dan Allahyarham tidak bersetuju dengan permintaan Yang Di Pertuan Besar. Justeru kerana takutkan kemurkaan Allah, s.w.t., beliau tidak endahkan permintaan Tuanku Munawir, sehinggalah orang ramai bersetuju dengan ijtihad Tuan Mufti.

Sesungguhnya Tuan Mufti Sheikh Ahmad bekerja keras memenuhi batinnya dengan kesempurnaan. Lisannya tidaklah mudah celupar dengan lafaz-lafaz yang tidak berfaedah, tawaduk (rendah diri) menjadi hiasan diri beliau sepanjang hayat, rasa cukup (qana'ah) dengan pemberian rezeki Illahi, tidak bakhil, lapang hati, ramah tamah, suka menolong orang yang dalam kesusahan, mengawasi bahan-bahan makanan dan minuman buatan orang-orang bukan Islam. Kesemua sifat-

sifat terpuji (mahmudah) ini menjadikan diri beliau sentiasa dihormati oleh segenap lapisan masyarakat. Mengikut huraian orang ramai, memang nampak kehebatan dirinya sebagai seorang alim yang digemari.

Pemerhatian Allahyarham terhadap siasah amat terhad, akan tetapi jika diteliti doa-doa yang dibacanya waktu sembahyang, dapat diertikan bahawa Allahyarham mengambil perhatian berat terhadap nasib negara-negara Islam, seumpama Indonesia, Pakistan, Algeria, Mesir dan lain-lain, yang berada dalam gengaman belunggu penjajah Barat. Kandungan doanya sentiasa mengandungi per mintaan kepada Allah s.w.t. supaya negara-negara Islam segera mendapat kemerdekaan, kemudian diperintah pula oleh pemimpin Islam.

Dalam pada itu, Allahyarham juga mempunyai keistimewaan meramal peristiwa-peristiwa politik yang akan berlaku. Ramalan-ramalannya tepat dan benar pula. Peristiwa pengeboman Kota Hiroshima (1954) oleh Amerika Syarikat, tepat berlaku pada hari yang diramalkannya. Sebenarnya kebolehan beliau meramalkan adalah dipengaruhi oleh bekalan 'ilmu al'kashf' yang dimiliki olehnya.

Allahyarham memang dapat diiktiraf sebagai seorang tokoh ulama di zamannya. Beliau mahir dalam bahasa Arab. Kemahiran ini mempengaruhi bidang penulisan dalam bidang Syariah, Aqidah, Nahu, Saraf, Syair, Falak dan lain-lain. Sepanjang hayat beliau, lebih daripada 20 buah karangan telah berjaya beliau hasilkan. Ada di antara tulisan-tulisan ilmiah Allahyarham, masih terdapat dalam bentuk manuskrip. Bagaimanapun, kebanyakan karangan beliau adalah dalam bidang Tasawwuf. Hal ini sekali lagi membuktikan kesungguhan Tuan Mufti Sheikh Ahmad pada membicarakan masalah-masalah diri insan, kemudian memberi cara-cara mengatasi masalah-masalah diri insan supaya tingkat darjat manusia dapat ditinggikan. Di samping itu, beliau juga mengarang khutbah-khutbah Jumaat yang berfaedah. Isu-isu semasa yang berlaku dalam masyarakat sentiasa disentuh, kemudian pandangan-pandangan Islam dikemukakan untuk renungan masyarakat.

Diantara kitab-kitab karangan Tuan Mufti Sheikh Ahmad yang terpenting ialah:

1. Kitab Ithaf zawir-Raghabat bi Bayan Karamat al-Awliya fil Hayat Waba'dal mamat [Singapura: 1358 H], 47 hlm.

2. Kitab Al-Fuyudat Al-Ahmadiyyah
[Singapura : 1358H] 49 hlm.
3. Kanzul Mu'id fi Manaqib Al-Arif
Billah Al-Sheikh Muhammad Sa'id r.a.
[Singapura: tanpa tarikh, 65 hlm.
4. Safinat As-Salamah Min Ahwal
Al-Dunya Wa Al-Barzakh Wa-Al Qiamah
[Petaling Jaya: tanpa tarikh, 39 hlm.
5. Nur Al-Ibtihaj `Ala Risalat Al-Isra'
Wal Mikraj MS.

Kebolehan nya menguasai bahasa Arab menyebabkan beliau me-ngarang kitab-kitab dengan tajam, tepat menuju makna dan mudah difahami. Ratusan bait-bait syair telah menjadi hiasan kitab-kitab beliau.

Sebelum Allahyarham meninggalkan dunia beliau sempat menulis beberapa wasiat untuk perhatian dan tindakan keluarganya. Dalam wasiat terakhir itu, berkatalah Allahyarham Tuan Sheikh Ahmad seperti berikut :

"..... Dan tiadalah pesanku kepada waris-waris dan kerabat-kerabat dan arham-arhamku melainkan hendaklah bersungguh-sungguh mereka itu pada jalan ilmu da ibadat dan carilah daripada dunia barang yang memadai dan janganlah memperdaya akan mereka itu oleh dunia sehingga lupa mereka itu akan Allah dan lalai mereka itu akan mati..."

Pesanan Allahyarham amat bererti kalau dapat difahami, apa lagi kalau diamalkan. Beliau sekali lagi mengulangi akan bahaya tipu daya dunia - kehidupan yang materialistik. Nanti dikhuatiri Allah s.w.t. akan melupai kita sama sekali, Justeru itu, Allahyarham yang mempunyai serami 37 orang anak itu sentiasa merujuk kepada Allah s.w.t. supaya zuriatnya menjadi orang-orang yang salih. dengan kehendak Allah s.w.t, akhirnya beliau menghembus nafas yang terakhir pada tahun 1383 H, bersamaan dengan 1964 M. Jasadnya telah disemadikan di tanah perkuburan Islam, Seremban Negeri Sembilan. Hampir 20,000 orang lebih telah menghantar jasadnya ke tanah perkuburan. Mudah-mudahan beliau dimasukkan bersama barisan para anbia, sahabat, mujahid dan awliya di Janatul-fasil, Wallahu'alam.

BAHAN RUJUKAN

1. *Al-Sheikh Al-Haj Ahmad bin Al-Sheikh Mohd Said Jamahuddin Al-Dandarawi dalam ingatan, (1910 - 1964)*
2. *Majallah Utusan Al-Qiblat, Al-Sheikh Ahmad Ulamak Malaysia Luar Biasa Ketokohnya, Jun 1980 Bilangan 118 m.s. 6 -13*
3. *Aurat Tariqat Ahmadiyah - Idrisyah, Haji Abdul Rashid bin Al-Marbuni Tuan Haji Sheikh Mohd Said Al-Linggi.*
4. *Sheikh Ahmad Mohd Said, Mufti, Pengarah dan Abli Sufi, Nor Iskandar, Majalah Tempo, Abad 14 Februari 1993.*
5. *Penjelasan Nazam Syair Sufi, Sheikh Ahmad Al-Fatani, Hj Wan Mohamad Shaghir Abdullah Kazanah Fatanah, Inatera Publisber Sdn. Bhd. 1993.*
6. *Kemiskinan Tariqat di Malaysia, Spakulasi Fakta Secara Ilmiah, Hamdan Hassan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan, Kuala Lumpur 1990.*
7. *Sheikh Mohd Said Negeri Sembilan, Mursid Tariqat Ahmadiyah Idrisiah, Majallah Dakwah, Mac 1991.*